

Kursus Pengurusan Jenayah Beri Pengetahuan Asas Kepada Umum

Oleh: Nurshuhaida Abdullah

KHAMIS, 18 APRIL – Kursus Pengurusan Jenazah telah berlangsung dengan meriah anjuran daripada Sekretariat Hal Ehwal Wanita Muslimah (HELWA), Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid (UHEIM) dan Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (KESUMBA).

Kursus ini dilancarkan oleh Naib Canselor Prof. Dr. Harun Abdullah di Masjid Universiti Malaysia Sabah. Program ini adalah kali kedua dijalankan dengan memberi pemahaman kepada teori dan praktikal tentang pengurusan jenazah dengan betul, sempurna dan jauh daripada

perkara-perkara khurafat dan bid'ah.

Menurut Noorisah Taljid, Pegawai Hal Ehwal Islam, 32, “ Program ini adalah salah satu yang bertujuan untuk menjalin kerjasama dan silaturahim antara staf dan pelajar yang terlibat melalui program keagamaan dan kebajikan”.

Pembentukan program ini bukan sahaja untuk menjalinkan kerjasama dan usrah antara ahli yang terlibat malah ia juga bertujuan untuk memberi pemahaman yang mendalam dan sentiasa mengingati kematian dan yang pasti ia merupakan satu tuntutan fardu kifayah

untuk mengendalikan kursus pengurusan jenazah.

Selain itu juga, ahli-ahli yang terlibat juga akan diberikan pengetahuan asas dan lengkap bagi pengurusan jenazah berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah serta didedahkan dengan adab-adab menziarahi pesakit, saat menghadapi kematian dan hinggalah kepada pengkebumian jenazah.

Program yang akan dijalankan pada masa terdekat ialah bengkel pembaca doa di mana ia adalah anjuran daripada kelab yang sama.